

Sukarelawan COVID-19 gerak bantu jaga kebajikan mahasiswa

UB 20.11.2020 P.15

KOTA KINABALU: Situasi pandemik yang kian meruncing dengan pertambahan kes mencecah sehingga 4 angka dari hari ke hari memberi impak terutamanya kepada pelajar proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) di universiti.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Sukarelawan Universiti dan Pelajar COVID19 ditubuhkan bagi membantu pihak universiti yang dikawal selia sepenuhnya oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar serta barisan sukarelawan pelajar yang terdiri daripada Caretaker Majlis Perwakilan Pelajar, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa, Kelab Sukarelawan Siswa, Persatuan Mahasiswa Fakulti dan banyak lagi untuk membantu pihak Universiti dalam menjaga kebajikan dan kepentingan setiap mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

Semua pergerakan sukarelawan yang bertugas dipantau dan dibantu oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah.

Seramai 47 sukarelawan telah menyertai jawatankuasa ini yang dibahagikan kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan yang menjaga bilik gerakan dan satu lagi kumpulan ditu-

gaskan di stor Foodbank yang mana kedua-duanya memainkan fungsi dan peranan yang berbeza.

Seramai 28 orang ditugaskan untuk menjaga bilik gerakan COVID19 UMS yang bekerja 24 jam seminggu melalui sistem penggiliran untuk bersedia sedia menjawab setiap persoalan yang akan dilon tarikan oleh pelajar ataupun ibu bapa.

Tugas secara bergilir ini adalah dipantau oleh pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Bagi kumpulan yang menjaga stor Foodbank, seramai 15 orang ditugaskan menyusun dan mengagih sumbangan yang diterima daripada pihak luar kepada pelajar-pelajar yang memerhukan terutamanya pelajar-pelajar non-residen yang terkandas di sekitar Kota Kinabalu.

Selain itu, terdapat juga sukarelawan dari setiap kolej kediaman yang membantu dari segi pengurusan serta kebajikan pelajar di kolej kediaman.

Bermula pukul 9.00 pagi pada 29 September 2020 sehingga hari ini, sukarelawan Foodbank datang ke stor penyimpanan barang makanan kering untuk melakukan tugas-tugas pembungkusan bagi tujuan pengagihan pada

pukul 2.00 petang.

Proses pengagihan adalah dilakukan mengikut zon dan kawasan. Begitulah rutin hampir setiap hari sukarelawan Foodbank yang bertungkus-lumus membantu pelajar membuat pengagihan makanan kering kepada pelajar-pelajar di sekitar UMS.

Proses pengagihan masih mengikut Prosedur Operasi Standard dan mengurangkan kontak dengan pelajar serta masih menjaga penjarakan fizikal 1 meter.

Setakat ini, seramai 246 pelajar Non-residen telah menerima bantuan makanan kering merangkumi pelajar yang tinggal di zon sekitar 1 Borneo (Tower A, B & C), Angkasa Apartment, Taman Kingfisher, Universiti Apartment (1 dan 2), Universiti Condo Apartment (1 dan 2), Universiti Utama Condominium, Universiti Prime Condo, Seri Maju, Alamesta dan zon lain-lain yang berada di sekitar UMS.

Makanan kering yang diberikan termasuklah beras, minyak masak, tepung, gula, mi segera, air mineral, telur, biskut, makanan dalam tin, minuman 3in1, ubat gigi, sabun mandi, dan banyak lagi. Proses pengagihan akan berlangsung sepanjang semester

ini berlangsung.

Usaha untuk memubuhkan pasukan sukarelawan ini adalah saranan dari Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu Kamisah Binti Husin yang berfokus bukan sahaja untuk membantu menjaga kebajikan mahasiswa UMS akan tetapi ia juga bertujuan untuk melatih mahasiswa dalam mengurus dan berdepan dengan pelbagai situasi serta memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa UMS.

Sebagai tambahan, pihak universiti akan cuba sechya upaya untuk membantu sebanyak mungkin pelajar yang terkandas dan terkesan sepanjang musim pandemik ini.

Pihak UMS serta sukarelawan pelajar sangat berharap agar musibah pandemik ini agar segera berakhir bagi membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti sediakala.

Harapan kepada semua agar dapat bersama-sama menangani wabak COVID19 ini dengan sebaiknya dengan sentiasa mengamalkan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan memakai topeng muka jika keluar daripada rumah serta mengamalkan penjarakan fizikal.